



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.49 (1)
Tarikh : 26 Januari 2019

SIARAN MEDIA

26 JANUARI 2019

SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

IPOH, 26 Januari 2019 – YB Mulia Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 pagi ini di Stadium Indra Mulia, Ipoh Perak. Sambutan tahun ini membawa tema “Tandas Bersih, Komuniti Sihat” dan ia telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 24 hingga 26 Januari 2019.

Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 juga turut diserikan dengan pelancaran aplikasi MyWC. Aplikasi ini dibangunkan dengan tujuan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat carian tandas awam berdasarkan *star rating*, berbayar atau percuma, kemudahan-kemudahan yang tersedia seperti tandas OKU, bilik tukar lampin bayi dan banyak lagi.

Sambutan kali ini melibatkan lebih empat ribu orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai teknikal PBT, agensi-agensi kerajaan, pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah, pemilik-pemilik restoran, pengusaha stesen minyak, pihak swasta dan NGO dari seluruh daerah Kinta. Sepanjang tiga hari sambutan, pelbagai aktiviti atau program menarik telah disusun seperti penganjuran Persidangan Kesihatan Persekitaran, informasi *booth-booth* pameran, *explorace game* untuk pelajar sekolah menengah, lawatan ke model tandas bersih untuk murid-murid sekolah rendah dan permainan interaktif.

Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan disambut sebagai satu tanda peringatan kepentingan kebersihan tandas dalam kehidupan manusia. Disamping menanam semangat cintakan tandas, sambutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepentingan menyelenggara tandas supaya sentiasa berada dalam keadaan baik. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Malaysia.

Persidangan Kesihatan Persekitaran yang dianjurkan bersempena dengan sambutan kali ini telah berlangsung selama dua hari (24-25 Januari) dan ia melibatkan seramai 700 orang yang terdiri daripada pegawai teknikal PBT, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, IPTA/IPTS, pihak swasta dan NGO. Persidangan ini melibatkan perbentangan 11 kertas kerja oleh pakar yang berpengalaman dalam bidang masing-masing seperti dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia, Petron Malaysia dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Miri, Sarawak. Antara topik yang disentuh dalam persidangan ini keselamatan makanan dan kawalan vektor, konsep baru pengurusan *food truck*, kesedaran bahaya Rabies, rahsia kejayaan tandas cemerlang dan banyak lagi.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp); Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*